



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MALAYSIA FEBRUARI 2024

Indeks Harga Pengeluar Malaysia meningkat 0.3 peratus pada Februari 2024

PUTRAJAYA, 27 Mac 2024 – Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur perubahan harga barangan di peringkat pengeluar, meningkat 0.3 peratus pada Februari 2024 daripada negatif 0.6 peratus pada Januari 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan hari ini dalam laporan bulanan terbaharu iaitu **INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, FEBRUARI 2024**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengulas, "Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat 6.0 peratus (Januari 2024: 3.2%), disumbangkan oleh indeks Penanaman tanaman kekal (8.1%), Perikanan (7.5%) dan Pengeluaran ternakan (4.3%). Pada masa yang sama, sektor Perlombongan mencatatkan peningkatan 5.3 peratus (Januari 2024: -1.3%) dengan indeks Pengekstrakan petroleum mentah mencatatkan peningkatan 7.9 peratus. Indeks Bekalan air meningkat 3.6 peratus pada Februari 2024 (Januari 2024: 0.6%) selaras dengan kenaikan tarif air di seluruh negara bermula pada 1 Februari 2024. Sektor Bekalan elektrik & gas juga meningkat perlahan 0.1 peratus pada bulan ini (Januari 2024: -0.8%). Sementara itu, sektor Pembuatan terus menurun negatif 0.7 peratus (Januari 2024: -0.9%) disebabkan oleh penurunan dalam indeks Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-12.6%) dan Pembuatan produk makanan (-3.3%)."

Beliau menjelaskan lagi, "Pada asas bulanan, IHPR Pengeluaran Tempatan meningkat 0.7 peratus selepas penurunan 0.1 peratus pada bulan lepas. Sektor Pembuatan kekal tidak berubah, manakala semua sektor lain mencatatkan kenaikan pada bulan ini. Sektor

Perlombongan naik 5.7 peratus dengan peningkatan dalam indeks Pengekstrakan petroleum mentah (5.8%) dan Pengekstrakan gas asli (5.2%). Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat 2.6 peratus disebabkan oleh Penanaman tanaman kekal (4.3%) dan Perikanan (3.7%). Bagi sektor utiliti, kedua-dua Bekalan Elektrik & gas dan Bekalan air masing-masing meningkat sebanyak 0.9 peratus dan 2.7 peratus pada Februari 2024.”

Mengulas mengenai IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut peringkat pemprosesan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya meningkat 5.6 peratus pada Februari 2024 (Januari 2024: 2.3%), dengan indeks Bahan bukan makanan mencatatkan peningkatan 6.0 peratus. Indeks Barang siap juga meningkat 1.1 peratus (Januari 2024: 0.5%), disebabkan oleh peningkatan indeks Kelengkapan modal (2.9%). Walau bagaimanapun, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen terus turun negatif 1.7 peratus (Januari 2024: -2.0%) disebabkan oleh indeks Bahan api yang diproses & pelincir (-12.9%) dan Bahan & komponen untuk pembuatan (-0.5%).”

Pada asas bulanan, semua indeks menunjukkan peningkatan pada bulan ini. Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya meningkat 2.7 peratus, manakala indeks Barang siap dan Bahan perantaraan, bekalan & komponen masing-masing meningkat sebanyak 0.7 peratus dan 0.1 peratus.

Perbandingan dengan negara lain menunjukkan bahawa IHPR Amerika Syarikat meningkat 1.6 peratus pada bulan ini berbanding 1.0 peratus pada Januari 2024. IHPR Jepun meningkat 0.6 peratus berbanding kenaikan 0.2 peratus pada bulan sebelumnya. Ini merupakan inflasi pengeluar tertinggi sejak Oktober 2023, disebabkan oleh kenaikan berterusan kos bagi kebanyakan komponen, seperti minuman & makanan, produk logam dan industri pembuatan lain. Sementara itu, harga pengeluar China terus turun negatif 2.7 peratus berbanding penurunan 2.5 peratus pada bulan sebelumnya. Ini merupakan penurunan harga pintu kilang yang ketujuh belas berturut-turut, dikaitkan dengan penurunan berterusan harga perlombongan & kuari, bahan mentah dan pemprosesan. Penurunan ini menunjukkan bahawa keadaan ekonomi China terus menghadapi beberapa cabaran, dan percubaan Beijing untuk mempercepatkan pemulihan sejak tahun lepas hanya memberi impak yang kecil.

Peperangan di Timur Tengah dan Ukraine serta ketidakpastian pengurusan sumber asli di sesetengah negara bermakna risiko geopolitik dan politik kembali sebagai faktor utama

yang mempengaruhi harga pasaran komoditi. Ketidaktentuan geopolitik akan terus memberi kesan kepada harga komoditi, dengan harga minyak dan gas dijangka kekal pada paras yang tinggi. Menurut harga komoditi terkini yang diterbitkan oleh Bank Dunia, harga tenaga meningkat sebanyak 1.1 peratus pada Februari 2024, terutamanya oleh minyak mentah. Pasaran minyak mentah meningkat apabila Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC+) sedang mempertimbangkan untuk melanjutkan pemotongan pengeluaran minyak secara sukarela pada suku kedua sebagai sokongan tambahan. Pemotongan secara sukarela telah dipersetujui pada suku pertama dan pemotongan tambahan juga mungkin dilakukan sehingga akhir tahun ini.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Pangkalan Data Utama (PADU) telah dilancarkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.


Carta 1: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia




Carta 2: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia




Carta 3: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Malaysia



Carta 4: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Negara-Negara Terpilih (Tahun ke Tahun)



Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 27 Mac 2024



Sumber: Laman web rasmi *National Statistical Offices (NSOs)* terpilih

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
27 MAC 2024**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

**PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MALAYSIA
FEBRUARY 2024**

***Malaysia's Producer Price Index increased 0.3 per cent
in February 2024***

PUTRAJAYA, 27th March 2024 – Malaysia's Producer Price Index, which measures the price changes of goods at the producer level, increased by 0.3 per cent in February 2024 from a negative 0.6 per cent in January 2024, the Department of Statistics Malaysia reported today in its latest monthly report of the **PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, FEBRUARY 2024**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin commented that, "The Agriculture, forestry & fishing sector inclined 6.0 per cent (January 2024: 3.2%), contributed by Growing of perennial crops (8.1%), Fishing (7.5%) and Animal production (4.3%) indices. At the same time, the Mining sector recorded an increase of 5.3 per cent (January 2024: -1.3%) with the index of Extraction of crude petroleum posting a 7.9 per cent increase. The Water supply index went up 3.6 per cent in February 2024 (January 2024: 0.6%) following the increase in water tariffs across the country starting on 1st February 2024. The Electricity & gas supply sector also slightly up by 0.1 per cent in this month (January 2024: -0.8%). Meanwhile, the Manufacturing sector continued to decline by negative 0.7 per cent (January 2024: -0.9%) attributed to the drop in Manufacture of coke & refined petroleum products (-12.6%) and Manufacture of food products (-3.3%) indices."

He further explained, "On a monthly basis, PPI Local Production increased by 0.7 per cent after a decline of 0.1 per cent in the previous month. The Manufacturing sector remained unchanged, while all other sectors recorded an increase in this month. The Mining sector went up 5.7 per cent with the increase in both Extraction of crude petroleum (5.8%) and

Extraction of natural gas (5.2%) indices. The Agriculture, forestry & fishing sector rose 2.6 per cent due to Growing of perennial crops (4.3%) and Fishing (3.7%). For the utility sector, both Electricity & gas supply and Water supply increased by 0.9 per cent and 2.7 per cent, respectively in February 2024.”

Commenting on the PPI Local Production by stage of processing, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The Crude materials for further processing index increased by 5.6 per cent in February 2024 (January 2024: 2.3%), with the Non-food materials index posting an increase of 6.0 per cent. The Finished goods index inched up by 1.1 per cent (January 2024: 0.5%), attributed to the increase in the Capital equipment (2.9%) index. On the other hand, the Intermediate materials, supplies & components index continued to decrease by negative 1.7 per cent (January 2024: -2.0%) due to Processed fuel & lubricants (-12.9%) and Materials & components for manufacturing (-0.5%) indices.”

On a monthly basis, all index posted an increase in this month. The Crude materials for further processing edged up by 2.7 per cent, while Finished goods and Intermediate materials, supplies & components indices increased by 0.7 per cent and 0.1 per cent, respectively.

A comparison of selected countries showed that, the PPI of the United States of America went up by 1.6 per cent in this month as against 1.0 per cent in January 2024. Japan’s PPI edged up 0.6 per cent as compared to a 0.2 per cent rise in the prior month. It was the highest producer inflation since October 2023, as cost rose further for most components, such as beverages & food, metal products and other manufacturing industries. Meanwhile, China’s producer price continued to decrease by negative 2.7 per cent as compared to a 2.5 per cent drop in the previous month. This marked the seventeenth consecutive month of contraction in factory gate prices, linked to further drops in mining & quarrying, raw materials and processing prices. The decline underscores that the economy continues to face a number of challenges, and Beijing’s attempts to speed up recovery since last year appear to have had little impact.

The wars in the Middle East and Ukraine and regulatory uncertainty in natural resources in some authorities mean that geopolitical and political risks are returning as a focus for commodities markets. The geopolitical uncertainty will continue to reinforce commodity prices, with oil and gas prices set to remain at elevated levels. According to the latest commodity prices published by the World Bank, energy prices increased by 1.1 per cent in

February 2024, led by crude oil. The crude oil market rose as Organization of the Petroleum Exporting Countries (OPEC+) is considering extending voluntary oil production cuts in the second quarter to provide additional support. A voluntary cut was agreed in the first quarter and additional cuts could also be kept until the end of the year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:

- i) Department of Statistics Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Online Enquiries through SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>.

Chart 1: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production, Malaysia




Chart 2: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (Year-on-Year), Malaysia




Chart 3: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing (Year-on-Year), Malaysia






Chart 4: Percentage Change of Consumer Price Index (CPI) and Producer Price Index (PPI) of Selected Countries (Year-on-Year)





Source: Official websites of selected National Statistical Offices (NSOs)

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

27th MARCH 2024